

HUDUD HANYA DI KELANTAN -PM

KUALA LUMPUR 2 Mei — Hukum hudud tidak akan dilaksanakan di negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional kerana ia mengamalkan sistem siasah al syariah, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau menegaskan, negara

ini telah pun mengikut ajaran Islam, yang mengambil kira aspek siasah iaitu, menjalankan hukuman mengikut keadaan politik atau semasa.

“Oleh itu, dalam keadaan negara kita yang mempunyai penduduk pelbagai kaum seperti juga negara Islam yang lain, kita bersetuju tidak akan melaksanakan hukum hudud,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, kerajaan tidak akan menghalang Pas melaksanakan hukum itu di Kelantan

asalkan mereka boleh membuktikan bahawa mereka betul-betul berpegang kepada ajaran Islam dan tidak hanya untuk kepentingan politik semata-mata.

Katanya, tujuan Pas melaksanakan hukum hudud di Kelantan hanya untuk menimbulkan perasaan serba salah di kalangan UMNO kerana mereka percaya UMNO akan menghalang mereka.

Sebab itu katanya, Pas tidak pernah bersiap sedia dan mengkaji apa sebenarnya hukum hudud kerana mereka percaya LJMNO akan menghalangnya sebelum ia dilaksanakan.

“Mereka hanya mengeluarkan kenyataan kerana mereka tahu apabila mereka mende-sak untuk melaksanakan hukum hudud, sudah tentu UMNO akan menghalang.

“Dan dengan itu mereka akan berkata bahawa UMNO yang tidak benarkan pelaksanaan hukum itu,” jelasnya.

Perdana Menteri menambah, tujuan Pas itu nampak jelas sebagai bermotifkan politik dan bukannya untuk agama.

“Tidak ada sedikit pun yang berasaskan keikhlasan untuk melaksanakan hukum hudud,” tegasnya.